

05/03/2004

Bila memancing ratusan kali setahun

NAMPAKNYA mudah sangat kita membuat perbandingan untuk melabelkan orang-orang tertentu menjadi sebahagian daripada kelompok kita. Contohnya, kalau kita memiliki kereta mewah berjenama Eropah, maka orang lain yang memiliki kereta berjenama sama dianggap juga sebagai setaraf dan sekelompok dengan kita.

Walhal kita hanya melihat aspek luarannya saja. Sedangkan hakikatnya, kita lupa bahawa kita barangkali memiliki kereta mewah berkenaan dengan cara bergolok bergadai, berhutang keliling pinggang dan terpaksa mengikat perut. Sedangkan orang lain membelinya secara tunai kerana kekayaan dan kedudukan yang dimilikinya.

Begitulah andaian yang boleh Sally buat apabila kawan kita memberi contoh beberapa tokoh negara dan luar negara yang mempunyai minat memancing, hingga disamakan dengan taraf kaki pancing yang seangkatan dan sama waktu dengannya. Perbandingan yang dibuat sebenarnya amat tidak tepat dan amat melucukan.

Perdana Menteri kita, baik yang dulu mahupun yang ada sekarang, memang suka memancing. Tetapi itu bukanlah hobi sebenar beliau. Tun Dr Mahathir gemar membuat kerja tukang, selain sangat kuat membaca dan menulis. Begitu juga dengan Pak Lah. Mereka memancing mungkin hanya dua kali setahun atau setahun sekali. Kerana tanggungjawab dan tugas, mereka tak mampu untuk sering keluar memancing.

Begitu juga dengan KSN. Benar beliau amat gemar memancing. Tetapi kerana beban tugas, berapa kalikah dalam setahun beliau mampu berbuat demikian? Bagi Presiden Amerika pula, hobi memancing beliau sebenarnya hanya gimik belaka. Bush tak suka memancing pun. Maaf katalah, dia sebenarnya lebih seronok menghambat Osama Laden dan bom negara orang lain.

Kalau kita tengok kaki pancing pula, keadaannya adalah terbalik. Mereka pergi memancing hingga beratus-ratus, malah beribu-ribu kali dalam setahun. Pagi pergi memancing. Tengah hari balik makan. Dah kenyang pergi memancing lagi sampai lepas Maghrib. Mereka juga manusia yang `gigih'. Lepas jemu kolam ini, bayar pula kolam di sana. Lepas sungai ini, pergi pula lubuk lain. Lepas bertanding di sini, bertanding pula di sana. Selepas perairan Mersing, mereka ke Pulau Sembilan pula.

Yang berduit sikit ada yang terbabas hingga ke Koh Adang dan Phuket, malah perairan Vietnam. Malah ada kaki pancing kenalan Sally mengakui masa cuti dan masa hujung minggunya habis digunakan untuk memancing bersama rakan-rakannya. Hinggakan pada Aidilfitri, Krismas, Aidiladha dan awal Muharam yang baru lalu pun dia sibuk memancing. Dia juga Sally anggap sangat kreatif kerana banyak membeli resit MC semata-mata untuk pergi memancing.

Jadi, Sally ingin bertanya sekali lagi, wajarkah menyamakan atau mengelompokkan Perdana Menteri kita dengan kaki pancing? Tepuk kepala, tanyalah minda masing-masing...